

Mahathir dijangka sampaikan ucaptama di Kongres Profesional Melayu

UM - 3 FEB 2000

KUALA LUMPUR 2 Feb.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka memberikan ucaptama dan merasmikan Kongres Profesional Muda Melayu (KPMM 2000) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) 26 Februari ini.

Kongres anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama Persatuan Lepas MRSM Malaysia (Ansara) itu akan diadakan selama dua hari.

Menteri Pembangunan Usahawan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk KPMM 2000, Datuk Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz berkata, pelbagai tajuk kertas kerja akan dibentangkan oleh para intelek dan cendekawan Melayu bertujuan melahirkan sekumpulan golongan profesional Melayu yang bersedia menghadapi cabaran pada alaf baru ini.

Beliau mempelawa syarikat-syarikat tempatan

supaya dapat menghantar sekumpulan kakitangan profesional dan separaprofesional mereka menyertai KPMM 2000.

“Dalam KPMM 2000 golongan profesional Melayu akan didedahkan dengan peluang perusahaan berteknologi tinggi serta pelbagai sokongan yang disediakan oleh kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, setiap resolusi yang dihasilkan di dalam KPMM 2000 akan diberikan kepada pihak kerajaan untuk dipertimbangkan.

“Setiap penyertaan akan dikenakan bayaran sebanyak RM100 bagi setiap peserta,” katanya lagi.

Kepada sesiapa yang berminat untuk menyertai KPMM 2000 boleh menghubungi sekretariat KPMM 2000 di talian telefon 03 4622264 atau 03 4699561 atau E-mel urussetia@kpmm.com.my. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 16 Februari 2000.